

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA: 4(B)(VI)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB. ONG KHAN LEE**

8. Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam bidang pertanian dalam tempoh masa 5 tahun ini?

**YB. DR. AFIF BIN BAHARDIN  
MENJAWAB BAGI PIHKAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

8. Kerajaan Negeri telah meluluskan anggaran kos projek bagi tempoh lima (5) tahun (2016-2020) berjumlah RM16 juta kepada Jabatan Pertanian Negeri bagi melaksanakan pelbagai projek dan program pertanian. Program dan projek pertanian yang dilaksanakan adalah seperti berikut :
  - (i) program pengembangan pertanian;
  - (ii) pembangunan industri tanaman;
  - (iii) pembangunan pusat pertanian; dan
  - (iv) pembangunan industri asas tani.

Objektif utama projek pembangunan pertanian ialah melaksanakan projek pembangunan yang mampu menjamin keselamatan makanan asas dan seterusnya berusaha untuk menjamin pendapatan para pengusaha di sektor pertanian serta menjamin kelestarian alam sekitar.

Sehubungan itu, Jabatan Pertanian Negeri sedang berusaha untuk meningkatkan hasil pengeluaran padi daripada 5.8 metrik tan per hektar kepada 7.0 metrik tan per hektar dalam tempoh dua tahun akan datang. Selain itu, Jabatan Pertanian Negeri juga mensasarkan peningkatan hasil pengeluaran tanaman selain padi sebanyak 10% setiap tahun supaya objektif pelaksanaan projek pembangunan pertanian tercapai.

Selain itu, Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang sentiasa berusaha untuk merakyatkan teknologi pertanian moden supaya dapat dimanfaatkan oleh semua golongan sasar dengan memudahkan akses kepada teknologi berkenaan dengan menambah baik kemudahan maklumat dalam bentuk digital yang boleh diakses sendiri oleh golongan sasar.

Bantuan yang disalurkan kepada para petani adalah dalam bentuk insentif di bawah pelbagai projek dan program dengan skop berikut:

- (i) Infrastruktur ladang;
- (ii) Input pertanian (baja/racun);
- (iii) Jentera dan peralatan kecil ladang;
- (iv) Perkhidmatan mekanisasi ladang;
- (v) Latihan/Bengkel/Seminar;
- (vi) Program pengukuhan modal insan untuk Kelompok Pertanian, Kumpulan Pengembangan Wanita (KPW) dan Usahawan; dan
- (vii) Program pemasaran dan promosi produk.